

TERHAD

Markas Angkatan Tentera Malaysia
Bahagian Perkhidmatan Anggota
Jabatan Arah Rekod dan Pencen
Kementerian Pertahanan
Jalan Padang Tembak
50634 **KUALA LUMPUR**



No Tel: 03-20712390
No Faks: 03-26926093

17 Mei 2022

BPA-JRP.PENCEN.400-3/7/1 (01)

Lihat Agihan

**ARAHAN PELAKSANAAN PEMBERIAN AWAL AWARD WANG TUNAI
GANTIAN CUTI REHAT (GCR) SEBANYAK 80 HARI KEPADA ANGGOTA
ANGKATAN TENTERA MALAYSIA (ATM)**

Rujuk:

- A. Mesyuarat Majlis Angkatan Tentera (MAT) Ke-599 pada 7 Apr 2022.
- B. MATM/BPA-CTK(A).100-1/10/4 (31) bertarikh 29 Apr 2022.
- C. Peraturan-Peraturan Angkatan Tetap (Pencen, Ganjaran dan Faedah-Faedah Lain) 1982.
- D. Perintah Majlis Angkatan Tentera (PMAT) Bilangan 2 Tahun 2003.

AM

1. Dengan segala hormatnya dimaklumkan bahawa sidang MAT Ke-599 seperti di **Rujuk A**, telah memperakukan Pemanjangan Dasar Berkaitan Kenaikan Had Maksimum Gantian Cuti Rehat (GCR) daripada 150 Hari kepada 160 Hari dan Pemberian Awal *Award* Wang Tunai GCR sebanyak 80 Hari kepada anggota Angkatan Tentera Malaysia (ATM). Seterusnya, pemakluman dasar telah pun dihebahkan melalui **Rujuk B**.

TUJUAN

2. Arahan ini bertujuan untuk menerangkan prosedur serta tindakan susulan yang perlu dipatuhi dan dilaksanakan oleh anggota dan pasukan/unit dari aspek dokumentasi agar tindakan yang seragam dapat diambil bagi melicinkan segala urusan berkaitan Pemberian Awal *Award* Wang Tunai GCR sebanyak 80 Hari kepada anggota ATM.

PELAKSANAAN

3. **Syarat Kelayakan.** Pemberian ini hanya layak kepada anggota **Angkatan Tetap ATM** sahaja berdasarkan kepada **Rujuk C** dan **Rujuk D**. Syarat-syarat permohonan adalah seperti berikut:

TERHAD

- a. Tempoh perkhidmatan sekurang-kurangnya 15 tahun.
 - b. Telah mencapai umur 45 tahun semasa permohonan dibuat.
 - c. Jumlah terkumpul GCR sekurang-kurangnya 80 hari.
 - d. Bebas daripada kes jenayah dan tindakan tatatertib.
 - e. Disokong oleh Pemerintah Pasukan/Unit.
4. Pemberian Awal *Award* Wang Tunai GCR sebanyak 80 Hari ini hanya boleh dibuat **SEKALI** sahaja sepanjang perkhidmatan anggota.
5. **Tarikh Kuatkuasa.** Pemberian Awal *Award* Wang Tunai GCR sebanyak 80 Hari berkuat kuasa pada **1 Januari 2022**.
6. **Formula Pengiraan.**
- $1/30 \times 80 \text{ hari} \times (\text{gaji pokok semasa yang diterima} + \text{imbuhan tetap}^*)$**
- *Imbuhan Tetap Keraian/Khidmat Tentera + Imbuhan Tetap Perumahan + Imbuhan Tetap Jawatan Utama (jika ada)*
7. **Borang Permohonan.** Anggota ATM yang telah memenuhi syarat yang ditetapkan hendaklah melengkapkan Borang Permohonan seperti di **Kembaran A**. Carta Aliran proses Permohonan Pemberian Awal *Award* Wang Tunai GCR sebanyak 80 hari adalah seperti di **Kembaran B**.
8. **Okeransi Pengisytiharan Perintah Bahagian Dua (PERBAH Dua).** Pasukan dikehendaki melaksanakan publikasi PERBAH Dua setelah permohonan anggota diluluskan oleh Pengarah Rekod dan Pencen (PRP) seperti berikut:

GAJI DAN ELAUN

Pemberian Awal *Award* Wang Tunai GCR Sebanyak 80 Hari

“Diluluskan permohonan pemberian awal *award* wang tunai GCR sebanyak 80 hari pada _____ (nyatakan tarikh kelulusan Pengarah Rekod dan Pencen) berjumlah RM _____.”

Kuasa: Surat Kelulusan JRP.

9. **Pembayaran.** Pembayaran akan dilaksanakan oleh **Jabatan Arah Urusan Gaji Angkatan Tentera (UGAT)** setelah menerima Pengisytiharan PERBAH Dua bersama surat kelulusan JRP daripada pasukan/unit. Pembayaran hendaklah dilaksanakan melalui akaun bayaran gaji anggota.

TERHAD

10. **Cukai Pendapatan.** Pemberian Awal *Award* Wang Tunai GCR sebanyak 80 Hari yang diterima adalah **tertakluk kepada cukai pendapatan bagi tahun semasa** di bawah Akta Cukai Pendapatan.

11. Keputusan Pemberian Awal *Award* Wang Tunai GCR sebanyak 80 Hari adalah **muktamad**. Sekiranya anggota didapati tidak memenuhi mana-mana syarat yang telah ditetapkan, maka apa-apa kelulusan yang diberikan adalah terbatal.

PENUTUP

12. Adalah diharapkan agar Pemberian Awal *Award* Wang Tunai GCR sebanyak 80 Hari ini dapat dimanfaatkan sebaiknya dan digunakan secara berhemat demi membantu memantapkan lagi sumber kewangan anggota ATM.

13. Mohon pihak YBhg Datuk/Dato'/Tuan/Puan mematuhi dan menghebahkan arahan pelaksanaan ini kepada semua anggota dan formasi/ pasukan di bawah naungan. Sekian untuk makluman serta tindakan pihak YBhg Datuk/Dato'/Tuan/Puan selanjutnya, terima kasih.



FADZLIE RIZAL BIN ISHAK

Kol

bp Panglima Angkatan Tentera

Kembaran:

- A. Borang Permohonan Pemberian Awal *Award* Wang Tunai Gantian Cuti Rehat (GCR) Sebanyak 80 Hari Bagi Angkatan Tentera Malaysia.
- B. Carta Aliran Permohonan Pemberian Awal *Award* Wang Tunai GCR sebanyak 80 hari.
- C. Contoh Pengiraan Pemberian Awal *Award* Wang Tunai GCR sebanyak 80 hari.

Agihan:

Luar:

Tindakan:

MK TD-CSM

(Untuk Perhatian: AKS SM)

MKTL-BSM

(Untuk Perhatian: AKS SM)

MTU-BSM

(Untuk Perhatian: AKS SM)

TERHAD

BSPP
(Untuk Perhatian: Pengarah Direktorat Bantuan)

MK AB
(Untuk Perhatian: Ketua Staf)

JHEV
(Untuk Perhatian: Ketua Pengarah
Pengarah Bhg Pencen)

STRIDE
(Untuk Perhatian: Ketua Pengarah)

MIDAS
(Untuk Perhatian: Ketua Eksekutif)

BPSM
(Untuk Perhatian: Setiausaha Bahagian)

Dalam:

Maklumat:

MATM-Sek
(Untuk Perhatian: Peng Sek)

MATM-BPA
(Untuk Perhatian: UGAT - Pengarah)

AKS PA

TAKS PA

MATM-BPA
(Untuk Perhatian: CTK - PTK)

TERHAD

KEMBARAN A KEPADA
BPA-JRP.PENCEN.400-3/7/1(01)
BERTARIKH 17 MEI 2022



**BORANG PERMOHONAN PEMBERIAN AWAL AWARD WANG TUNAI GANTIAN
CUTI REHAT (GCR) SEBANYAK 80 HARI BAGI
ANGKATAN TENTERA MALAYSIA**

BAHAGIAN I - PERMOHONAN

(Diisi oleh Pemohon)

1. Saya,
(No Tentera, Pangkat, Nama)
mengesahkan bahawa saya telah memenuhi syarat-syarat kelayakan bagi tujuan pemberian awal *Award Wang Tunai GCR*.
2. Sehingga tahun saya telah mengumpul GCR sebanyakhari (Jumlah GCR terkumpul sehingga tahun semasa). Saya memohon untuk pemberian awal *Award Wang Tunai GCR* sebanyak 80 hari. Baki GCR selepas penebusan awal adalah dimohon untuk dikira dalam pemberian GCR semasa menamatkan perkhidmatan tertakluk kepada peraturan-peraturan yang berkuat kuasa.
3. Saya dengan ini memohon jumlah gantian cuti rehat sebanyak 80 hari digunakan bagi tujuan pemberian awal *Award Wang Tunai GCR* dan ini adalah keputusan muktamad saya.

Tarikh:

.....
(Tandatangan Anggota)

No Tentera:
Pangkat:
Nama:
No Telefon:

BAHAGIAN II - PENGESAHAN

(Disahkan oleh Ajutan/Pegawai Tadbir/Pegawai Rekod)

4. Disahkan bahawa perkiraan jumlah keseluruhan GCR anggota ini sehingga tahun adalah sebanyak hari dan anggota akan memohon pemberian awal *Award* Wang Tunai GCR sebanyak 80 hari. Anggota juga adalah disahkan bebas daripada sebarang kes jenayah dan tindakan tatatertib.

Tarikh:

.....

(Tandatangan)

No Tentera:

Pangkat:

Nama:

No Telefon:

Cop Pasukan:

BAHAGIAN III - SOKONGAN

(Disokong oleh Pemerintah Pasukan)

5. Saya memperakukan dan menyokong permohonan anggota serta mengesahkan bahawa permohonan anggota untuk pemberian awal *Award* Wang Tunai GCR sebanyak 80 Hari dan pengumpulan GCR dibuat secara teratur dan tepat mengikut peraturan-peraturan yang berkuat kuasa.

Tarikh:

.....

(Tandatangan)

No Tentera:

Pangkat:

Nama:

Cop Pasukan:

TERHAD

BAHAGIAN IV – PENGESAHAN GAJI DAN IMBUHAN TETAP

(Disahkan oleh Pengarah UGAT)

6. Disahkan bahawa gaji semasa yang sedang diterima oleh bagi bulan adalah seperti berikut:

(No Tentera, Pangkat, Nama)

- a. Gaji Pokok Bulanan: RM _____
- b. Imbuhan Tetap Perumahan: RM _____
- c. Imbuhan Tetap Keraian/ Khidmat:
Tentera RM _____
- d. Imbuhan Tetap Jawatan Utama: RM _____

Tarikh:

.....
(Tandatangan)

No Tentera:
Pangkat:
Nama:
Jawatan:
Cop Pasukan:

BAHAGIAN V - KELULUSAN

(Diluluskan oleh Pengarah Rekod dan Pencen)

7. Permohonan anggota untuk pemberian awal *Award* Wang Tunai GCR sebanyak 80 hari berjumlah RM..... adalah:

DILULUSKAN/ TIDAK DILULUSKAN*

Catatan (Jika Tidak Diluluskan): _____

Tarikh:


.....
(Tandatangan)

No Tentera:
Pangkat:
Nama:
Jawatan:
Cop Pasukan:


* *Potong yang mana tidak berkenaan.*

** *Hendaklah diisi dalam 3 salinan.*

**CARTA ALIRAN PROSES PERMOHONAN PEMBERIAN AWAL AWARD
WANG TUNAI GCR SEBANYAK 80 HARI**



TERHAD



CONTOH PENGIRAAN PEMBERIAN AWAL AWARD
WANG TUNAI GCR SEBANYAK 80 HARI



Tarikh masuk khidmat

Pemberian Awal Award Wang Tunai GCR

- | | | |
|----|--------------------------------|------------|
| a. | Tempoh perkhidmatan (A ke B): | 16 tahun |
| b. | Jumlah GCR terkumpul (A ke B): | 93 hari |
| c. | Gaji Pokok + Imbuhan Tetap: | RM6,142.02 |

Maka, jumlah pemberian awal award wang tunai CGR yang boleh dibayar:

$$= 1/30 \times \text{RM}6,142.02 \times 80 \text{ hari}$$

$$= \text{RM } 16,378.72$$

Pada tarikh persaraan atau pemberhentian:

- | | | |
|----|--|-------------|
| a. | Jumlah GCR terkumpul (A ke C): | 160 hari |
| b. | Gaji Pokok + Imbuhan Tetap: | RM11,021.58 |
| c. | Anggota telah diluluskan Pemberian Awal Award Wang Tunai GCR sebanyak 80 Hari pada tarikh B, maka jumlah GCR yang diambil kira bagi tujuan pembayaran award wang tunai GCR semasa persaraan atau pemberhentian adalah: | |

$$= 160 \text{ hari} - 80 \text{ hari}$$

$$= 80 \text{ hari}$$

$$= 1/30 \times \text{RM}11,021.58 \times 80 \text{ hari}$$

$$= \text{RM}29,390.88$$